

**Muhyiddin Dijangka Hadir Program Di Duyong Dan Batu Berendam Isnin
Bernama
26 April, 2013**

MELAKA, 26 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dijadual mengadakan lawatan kerja setengah hari ke Melaka, Isnin ini, menurut Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Mohd Ali yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata dalam lawatan kerja itu, Timbalan Perdana Menteri dijadual menghadiri program di Duyong dan Batu Berendam dalam daerah Melaka Tengah.

"Timbalan Perdana Menteri dijangka memulakan programnya di Duyong, iaitu pertemuan bersama penduduk setempat pada sebelah pagi," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Beliau berkata Muhyiddin kemudian dijadual ke sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan Cina Wen Hua di Batu Berendam pada tengah hari bagi melancarkan projek jejantas dan program pertemuan dengan penduduk di kawasan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945390>